



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call. Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1960 > February > 5 > Page 1 > Soal tanah ta' begitu rumit di-Selangor



Soal tanah ta' begitu rumit di-Selangor

Berita Harian, 5 February 1960, Page 1

Share    

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

Soal tanah ta' begitu rumit di-Selangor

KUALA LUMPUR. Khamis:—Hanya 6,583 permohonan tanah sahaja yang maseh belum di-selesaikan oleh Kerajaan Selangor sa-hingga 30 September tahun yang lalu.

Menurut Pesuruhjaya Tanah Selangor Inche Ma'arof bin Sheik Ahmad jumlah ini kechil kalau di-bandingkan dengan negeri2 lain.

Menurut Inche Ma'arof lagi, kebanyakan dari permohonan2 itu ia-lah di-daerah Ulu Langat (2,581) dan di-Sabak Bernam (1,427).

Kerajaan telah membe-

Kerajaan telah memproses kukan semua permohonan tanah semenjak bulan June yang lalu.

Permintaan2 sa-chara beramai2 ada-lah di-utamakan. Tiap2 pemohon akan di-beri sa-banyak tidak kurang dari enam ekar tanah.

Di-galakkan

Sa-orang yang tidak di-layani akan di-galakkan supaya meminta tanah di-bawah ranchangan pembukaan tanah sa-chara beramai2.

Dengan jalan ini Kerajaan berharap akan dapat menyelesaikan permohonan2 yang telah ada itu, kata Inche Ma'arof lagi.

Selangor sekarang mempunyai ranchangan2 pembukaan tanah sa-chara berkampong di-lima buah tempat — Sungai Tekali (1,200 ekar), Sungai Merab (500 ekar) kedua2 ini di-daerah Ulu Langat, Sungai Sabai (1,962 ekar), Jerang Belanga (1,100 ekar) kedua2 di-Ulu Selangor, dan Labu di-daerah Kuala Langat (900 ekar).

Satu lagi kerumitan berkenaan dengan pembahagian tanah di-Selangor ia-lah kebanyakan dari tanah2 yang belum lagi di-buka itu memerlukan parit dan tali-ayer.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#)
[Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31